

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

AMP 300 PENYELIDIKAN PEMASARAN

Tarikh: 25 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
(3 jam)

---

Arahan: Jawab LIMA soalan daripada soalan-soalan 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7. Jawapan mestilah tepat dan padat.

1. Sebagai seorang Pengurus Pemasaran untuk Syarikat Perabot CMZ, anda dikehendaki menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penurunan jualan barangan keluaran. Perabot keluaran syarikat anda buat sekarang ini tertumpu kepada pasaran dalam negeri saja. Mutu dan keupayaan pengeluaran tidak merupakan faktor penghalang kepada syarikat CMZ. Apa yang merunsingkan anda ialah persaingan tempatan yang sengit.

Bagaimanakah caranya anda perlu mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini secara lebih teratur dan dapat meyakinkan pihak pengurusan atasan Syarikat CMZ?

2. Pasaran barangan keluaran negara-negara membangun seperti Malaysia masih terbuka luas untuk dieksport ke negara-negara maju. Sebagai contoh negara Republik Rakyat Cina telah menambah eksport barangan pakaian dan tekstil kepada 30 peratus untuk jangkamasa lima tahun. Penyusupan pasaran barangan pengeluaran negara-negara membangun memasuki pasaran negara-negara maju masih kecil peratusannya iaitu kurang daripada lapan peratus daripada jumlah amaun yang digunakan oleh sebuah negara yang mengimportnya.

...2/-

Apakah jenis bentuk penyelidikan yang perlu diikuti untuk memastikan tindakan anda itu nanti dapat mengurangkan risiko kegagalannya?

3. Penyelidikan melalui eksperimen dilakukan untuk menentukan kesan tahap-tahap harga jualan (Rendah, Sederhana dan Tinggi) terhadap pembelian satu jenis pakaian wanita. Apakah perlu anda lakukan jika didapati jenis kedai pakaian (A, B dan C) merupakan faktor luaran yang memberi kesan signifikan kepada penemuan yang dijangkakan.

Bagaimanakah proses rawak mengenai kes ini dilakukan demi untuk memastikan setiap jenis kedai pakaian dapat diwakili dengan penemuan-penemuan yang tidak meragukan anda?

4. Anda diberitahu bahawa segala hal mengenai pasaran kasut tempatan dan luar negeri boleh diperolehi daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Bagaimanakah anda menilai maklumat-maklumat yang terdapat di Kementerian tersebut serta mempunyai keyakinan yang ianya ada keesahannya?
5. Bincangkan skel-skel ukuran dan kaitkan dengan fenomena pemasaran dan kaedah penganalisaan statistik yang dapat digunakan secara sah. Bilakah perancangan mengenainya perlu dibuat dan kenapa?
6. Apakah yang dikatakan borang soalselidik yang baik? Terangkan dengan jelas bagaimana anda boleh bentuk borang soalselidik untuk memahami reaksi pengguna terhadap jenis ubat gigi gel di kalangan orang-orang kampung di negeri Kedah, yang kebanyakan dari mereka lebih fasih bertutur bahasa Thai daripada Bahasa Malaysia?
7. "Sesuai laporan hasil penyelidikan pemasaran tidak sangat perlu dipersoalkan memandangkan ianya dilakukan oleh se-orang pakar". Bincangkan pernyataan ini dengan terperinci.